

29/06/1999

Kemiskinan bukti Pas gagal

CYBERJAYA, Isnin - Kadar kemiskinan yang tinggi di Kelantan membuktikan kerajaan negeri pimpinan Pas, gagal mentadbir dengan baik, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, Kerajaan Kelantan jelas tidak menumpukan kepada masalah kemiskinan di negeri itu serta tidak mengambil sebarang tindakan ke arah menangani masalah terbabit.

"Sehubungan itu, kita tidak hairan apabila mendapati kadar kemiskinan di Kelantan begitu ketara dan tinggi peratusannya," katanya.

Dr Mahathir mengulas laporan sebuah akhbar tempatan mengenai nasib malang menimpa keluarga masyarakat termiskin di Tumpat, Bachok dan Kota Bahru.

Kaji selidik terhadap 450 ketua isi rumah termiskin dengan pendapatan RM250 ke bawah mendapati 56.22 peratus tidak pernah bersekolah, manakala 32 peratus hanya mendapat pendidikan di peringkat rendah sehingga darjah enam.

Pas memimpin Kelantan sejak pilihan raya umum 1990.

Dr Mahathir berkata, Kerajaan Kelantan tidak seharusnya menabur janji kepada rakyat negeri itu, jika tidak mampu mengeluarkan sumber kewangan mencukupi untuk tujuan pembangunan.

"Memang benar mereka tidak mempunyai wang, tetapi jika tidak mampu, tidak harus buat janji-janji kepada rakyat," katanya.

Ditanya sama ada Kerajaan Pusat akan membantu rakyat termiskin berkenaan, Perdana Menteri menegaskan kerajaan sanggup membantu, tetapi bantuan itu sudah tentunya akan 'ditenggelamkan' propaganda parti pembangkang.

"Apabila kita tolong, kita dapati parti lawan ini suka sangat berkata, kalau tak sokong Kerajaan Pusat pun, boleh juga... bukan Barisan Nasional (BN) pun, boleh juga. Jadi apa guna sokong?" katanya.

Menurut Dr Mahathir, ketika ini Pas turut mengajar rakyat Kelantan supaya jangan berterima kasih kepada mana-mana pihak yang menolong.

"Jadi dengan itu, kita tawar hati sedikit untuk membantu mereka (rakyat Kelantan)," katanya.

Mengenai permintaan Cuepacs supaya kadar pinjaman perumahan kakitangan kerajaan diturunkan kepada tiga peratus berbanding empat peratus ketika ini, Perdana Menteri berkata perkara itu akan ditimbang jika mampu.

(END)